



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
(Accountant General's Department Malaysia)  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 1, PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 2  
62594 PUTRAJAYA



Tel. : 603-8882 1000  
Faks : 603-8882 1042  
Web : <http://www.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(T)81/20/10/3  
Jld.6(2)  
Tarikh : 26 Jun 2012

Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua Jabatan Persekutuan

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN PENOLONG  
AKAUNTAN GRED W27 KE GRED W32 DAN PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17  
KE GRED W22 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) BAGI PEGAWAI  
YANG TELAH BERKHIDMAT 15 TAHUN DAN LEBIH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat jawatan Penolong Akauntan Gred W27 ke Gred W32 dan Pembantu Akauntan Gred W17 ke Gred W22 secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi pegawai yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih **sebelum atau pada 31 Disember 2012** serta masih berada di dalam gred lantikan.

3. Bagi menyempurnakan urusan tersebut, Jabatan ini memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk menyediakan maklumat-maklumat berikut :-

- i. Salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang kemaskini ;
- ii. Salinan sah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tahun 2009, 2010 dan 2011 ;
- iii. Melengkapkan borang pengesahan dan perakuan Ketua Jabatan - **Lampiran A** ;

2/...

- iv. Melengkapkan borang Laporan Tindakan Tatatertib/Pengisytiharan Harta - **Lampiran B** ;
  - v. Melengkapkan Surat Akuan Pinjaman Pendidikan/Tabung Pendidikan - **Lampiran C** ;
  - vi. 1 salinan borang Tapisan Keutuhan SPRM - **Lampiran D**.
4. Bagi pegawai yang belum lulus PTK, boleh memohon untuk urusan kenaikan pangkat ini selaras dengan Surat Edaran JPA, Ruj : BK(S)134/2/8(9) bertarikh 17 Februari 2011.
5. Kerjasama Ketua-Ketua Jabatan adalah dipohon supaya menyampaikan maklumat-maklumat ini kepada semua Penolong Akauntan Gred W27 dan Pembantu Akauntan Gred W17. Dokumen-dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini **sebelum atau pada 27 JULAI 2012** ke alamat berikut :-

Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Bahagian Pembangunan Perakaunan & Pengurusan  
Seksyen Khidmat Pengurusan & Sumber Manusia (Unit Perkhidmatan)  
Aras 7, No. 1 Kompleks Kementerian Kewangan  
Persiaran Perdana, Presint 2  
**62594 W.P. PUTRAJAYA**  
(u.p : Puan Nur Eswani binti Darus)

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan kenaikan pangkat ini bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :-

Bil	Nama Pegawai	No. Telefon	e-mail Jabatan
1.	Puan Nur Eswani binti Darus	03-88821037	<a href="mailto:ned@anm.gov.my">ned@anm.gov.my</a>
2.	Puan Nor Fariza binti Sulaiman	03-88821098	<a href="mailto:fariza@anm.gov.my">fariza@anm.gov.my</a>
3.	Cik Amsiah binti Jakariah	03-88821099	<a href="mailto:amsiah.jakariah@anm.gov.my">amsiah.jakariah@anm.gov.my</a>

7. Dimaklumkan juga bahawa permohonan ini boleh diperolehi dan dimuat turun (download) dari laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia melalui <http://www.anm.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**  
**" Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan "**

Saya yang menurut perintah,



**( NUR ESWANI BINTI DARUS )**  
Bahagian Pembangunan Perakaunan  
Dan Pengurusan  
b.p. Akauntan Negara  
Malaysia

s.k : ANM  
TAN (K)  
P (BPPP)  
TP (SKPSM)